

JITRA; 14 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR PEMIMPIN POLITIK TERTENTU YANG MENUDUH KERAJAAN HENDAK MENGHAPUS SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN MENERUSI PROGRAM INTEGRASI PELAJAR BAGI PERPADUAN ATAU SEKOLAH INTEGRASI.

KETIKA BERUCAP KEPADA 200 ORANG PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) BAHAGIAN KUBANG PASU DI BANGUNAN UMNO DI SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU SEDIH SUNGGUHPUN PENJELASAN DIBERI MENGENAI SEKOLAH INTEGRASI OLEH MENTERI PELAJARAN BARU-BARU INI, MASIH ADA TOKOH POLITIK TERTENTU MENUDUH KERAJAAN HENDAK MENGHAPUS BAHASA DAN KEBUDAYAAN BUKAN MELAYU.

BELIAU MENYIFATKAN PARA PEMIMPIN POLITIK OPPORTUNIS ITU SEBAGAI ORANG YANG KEHILANGAN MODAL POLITIK.

MENURUT PERDANA MENTERI, SEMUA PIHAK TERMASUK PEMIMPIN PEMBANGKANG, ENCIK LIM KIT SIANG, SETIAUSAHA AGUNG DAP, MENYUARAKAN KETIADAAN PERPADUAN MASYARAKAT MALAYSIA SEKARANG.

KERAJAAN SEDAR MENGENAI PERKARA ITU DAN SEBAB ITULAH MENTERI PELAJARAN, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN BADAN-BADAN CINA UNTUK MENERANGKAN MENGENAI SEKOLAH INTEGRASI ITU. - LAGI

### BAHASA - MAHATHIR 2 JITRA

KATANYA, PROGRAM SEKOLAH INTEGRASI ITU IALAH UNTUK MENGADAKAN WAKTU REHAT DAN BERMAIN YANG DISERAGAMKAN BAGI SEKOLAH SEMUA ALIRAN YANG BERTAMBAH ANTARA SATU SAMA LAIN.

-DENGAN ITU MURID-MURID DARIPADA PELBAGAI KAUM DI SEKOLAH ITU DAPAT BERGAUL SESAMA MEREKA.

DENGAN CARA ITU JUGA MEREKA DAPAT MEMAHAMI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN APABILA DEWASA, AKAN TERTANAM SEMANGAT KASIH SAYANG PADA DIRI MEREKA.

+ MALANGNYA, SELEPAS SEMUA WAKIL BADAN BERKENAAN BERSETUJU DENGAN RANCANGAN ITU PADA PERJUMPAAN ITU, MASIH ADA PEMIMPIN POLITIK TERTENTU MENGGUNAKAN ISU ITU UNTUK MENUDUH KERAJAAN BN HENDAK MENGHAPUSKAN SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN.

+TUDUHAN ITU MERUPAKAN SATU FITNAH DAN SAYA HARAP ORANG-ORANG BUKAN MELAYU TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN KEKELIRUAN YANG SENGAJA DIADA-ADAKAN ITU,+ JELASNYA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEMUA KAUM BERHAK MEMPELAJARI BAHASA IBUNDA MEREKA DAN MEMBUKA SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENGGUNAKAN BAHASA PENGANTAR BUKAN MELAYU. - LAGI.

### BAHASA - MAHATHIR 3 JITRA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGULAS MENGENAI SOAL EKONOMI DAN +SIKAP ORANG TERTENTU+ YANG MENGEKSPLOITASI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR (KLSE).

KATANYA, MEMANG BENAR KEADAAN EKONOMI NEGARA MELESET KERANA KEJATUHAN HARGA BARANGAN UTAMA MALAYSIA SEPERTI GETAH, KELAPA SAWIT, TIMAH DAN JUGA MINYAK.

+KEJATUHAN HARGA BAHAN-BAHAN ITU BUKANLAH KERANA KESILAPAN KERAJAAN TETAPI FAKTOR EKONOMI DUNIA YANG MELESET SEKARANG,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA WALAUPUN EKONOMI NEGARA MELESET, NAMUN IA TIDAKLAH SEBURUK KEADAAN DI SESETENGAH NEGARA LAIN.

BELIAU KURANG SENANG DENGAN SEGOLONGAN ORANG-ORANG TERTENTU YANG +MENCARI MAKAN+ MELALUI EKSPLOITASI PASARAN SAHAM DENGAN MENYEBAR KHABAR ANGIN BAHAWA KEJATUHAN DAN KENAIKAN SAHAM BERGANTUNG PADA SUASANA POLITIK.

KATANYA, MEREKA MENYEBAR KHABAR ANGIN BAHAWA SAHAM AKAN JATUH KERANA KRISIS MCA. TETAPI KRISIS ITU TIDAK JUGA SELESAI, DAN HARGA SAHAM NAIK PULA SEKARANG.

MENGENAI KEHIDUKAN MCA, DATUK SERI DR MAHATHIR